

U B685 DEB
MAHATHIR - KUMPULAN

JITRA, 21 MAC (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN KEJADIAN PADA PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN GUA MUSANG SEMALAM MEMBUKTIKAN WUJUDNYA KUMPULAN DAN PUAH DALAM PARTI.

KATANYA, INI TERNYATA APABILA PARA PERWAKILAN MEMBERI TEPUKAN GEMURUH KETIKA DISEBUT NAMA TETAMU DARI BEBERAPA BUAH NEGERI YANG HADIR.

+TETAPI APABILA NAMA MENTERI BESAR KELANTAN DATUK HAJI MOHAMED YAAKOB DAN KETUA PENERANGAN UMNO MALAYSIA SENATOR HUSSEIN AHMAD DISEBUT OLEH Pengerusi Persidangan, mereka diboo (sorak),+ kata Perdana Menteri ketika menggulung perbahasan pada persidangan perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu di sini.

KATANYA, PERISTIWA SEPERTI ITU MENUNJUKKAN SUDAH ADA PUAH DALAM UMNO SEKARANG.

KATANYA, SEBAB ITULAH BELIAU SENTIASA MENGESYORKAN SUPAYA PUCUK PIMPINAN PARTI TIDAK PERLU DIPERTANDINGKAN SEMATA-MATA KERANA MEMENUHI HASRAT DEMOKRASI. -- LAGI
2306MST 21 03 87

U B686 DEB
MAHATHIR - KUMPULAN 2 JITRA

KATANYA, DEMOKRASI BARAT YANG DIAMALKAN SEPENUHNYA TIDAK BERERTI BERJAYA KERANA BANYAK NEGARA SEPERTI ITALI DAN PERANCIS YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI ITU GAGAL MEMBENTUK KERAJAAN YANG KUAT DAN MEMBERI PEMBANGUNAN.

BELIAU MENGULANGI SYORNYA AGAR JANGAN BERLAKU PERTANDINGAN BAGI JAWATAN NAIB KETUA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU UNTUK DIPERTIMBANGKAN OLEH PERWAKILAN.

KATANYA, INI TIDAK BERERTI BELIAU HENDAK MENYEKAT KEBEBASAN ANGGOTA YANG INGIN BERTANDING.

+APA GUNANYA BERTANDING JIKA PERTANDINGAN ITU BOLEH MEMBAWA PERPECAHAN SESAMA SENDIRI,+ KATANYA.

KATANYA, UMNO BERPECAH APABILA DATUK ONN DITEWASKAN OLEH TUNKU ABDUL RAHMAN UNTUK JAWATAN PRESIDEN SUATU KETIKA DULU DI MANA DATUK ONN MENUBUHKAN PARTI LAIN. -- LAGI
2307MST 21 03 87

U B687 DEB
MAHATHIR - KUMPULAN 3 JITRA

KATANYA, PERTANDINGAN MEREbut JAWATAN PENTING PARTI TIDAK BERLAKU SEJAK ZAMAN TUNKU SEHINGGA ZAMAN ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK KECUALI JIKA BERLAKU KEKOSONGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BELIAU TIDAK AKAN MENGUNDUR DIRI BERIKUTAN CARA-CARA KOTOR YANG DILAKUKAN OLEH GOLONGAN TERTENTU YANG INGIN MEREbut JAWATAN PARTI SEKARANG. -- BERNAMA
2308MST 21 03 87